



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

9 FEBRUARI 2022 (RABU)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

9 FEBRUARI 2022 (RABU)

Sasar buka 100 stesen di luar bandar

Oleh NORHAFIZAN ZULKIFLI
utusannews@mediamulia.com.my

JERANTUT: Five Petroleum Malaysia menyatakan membuka lebih 100 stesen minyak 5Petrol di kawasan luar bandar seluruh negara menjelang 2023 termasuk di Sabah dan Sarawak.

Difahamkan setakat ini, terdapat 41 stesen minyak jenama tersebut telah dibina di Semenanjung dan dijangka dibina di Sabah dan Sarawak penghujung tahun ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, kementerian itu menyambut baik inisiatif Five Petroleum Malaysia dalam usaha menjadikan kawasan luar bandar sebagai lokasi utama operasi 5Petrol.

Katanya, pihak kementerian berharap syarikat terbabit dapat meningkatkan memperluaskan lagi pembinaan stesen minyak di Sabah dan Sarawak.

"Dengan kemudahan yang disediakan ini, penduduk luar bandar dapat menikmati subsidi minyak daripada kerajaan secara penuh tanpa perlu menanggung kos tambahan seperti kos perjalanan untuk mendapatkan petrol dan diesel.

"Walaupun berada di luar bandar dan pedalaman, setiap penduduk berhak merasai keselesaan dan kemudahan yang baik," katanya ketika merasmikan pembukaan stesen minyak



ROSOL Wahid (tengah) ketika merasmikan pembukaan stesen minyak 5Petrol di Batu Balai, di Jerantut, Pahang. - UTUSAN/NORHAFIZAN ZULKIFLI

5Petrol Batu Balai di sini, semalam.

Yang hadir sama, Pengarah Seng Group of Companies, Datuk Wong Kam Yong dan Ketua Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Jerantut, Abdul Munib Ahmad.

Abdul Ghani; Pengarah Seng Group of Companies, Datuk Wong Kam Yong dan Ketua Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Jerantut, Abdul Munib Ahmad.

Mengulas lanjut, Rosol berkata, pembinaan stesen minyak itu akan turut menyediakan peluang pekerjaan dan menjana pendapatan kepada penduduk luar bandar.

"Kerajaan sentiasa peka

terhadap taraf hidup rakyat di mana dengan penambahan stesen minyak baharu di kawasan pedalaman dapat mencipta peluang pekerjaan dan perniagaan khususnya buat penduduk tempatan."

Pembelian panik jejas bekalan di Terengganu

Kuala Terengganu: Pembelian panik oleh pengguna antara punca utama kekurangan bekalan telur ayam di negeri ini.

Tinjauan mendapati telur masih ada, tetapi pembekal memotong jumlah tempahan.

Pengurus syarikat pemborong telur, Jason Tan, berkata pihaknya mengedarkan 360,000 biji telur ayam pelbagai saiz kepada peruncit setiap minggu.

Beliau berkata, pengedaran pada peringkat runcit, termasuk ke pasar raya tidak dilakukan secara sekali gus, sebaliknya secara berperingkat setiap hari.

Katanya, bekalan terjejas kerana pengeluar memotong tempahan asal, laitus 450,000 biji seminggu.

Sementara itu, di Kota Kinabalu, ada pengguna terpaksa membeli telur dengan harga tinggi sedikit kerana kekurangan bekalan.

Tinjauan di pasar raya mini di sini mendapati, bekalan telur ayam gred B dan C hanya 100 papan sehari sehingga peruncit menghadkan pembelian satu papan untuk seorang pengguna.

Pekerja kantin, Suhana Jamal, 22, berkata dia terpaksa pergi ke beberapa kedai dan pasar raya berasingan untuk membeli bekalan telur mencukupi.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) cawangan Sabah pula mengadakan mesyuarat dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah, semalam bagi mengetahui stok telur ayam.

Pengarahnya, Georgie Abas, berkata bekalan bergantung kepada penternak.

Peniaga salah guna syarikat untuk jalankan aktiviti haram

RM307.8 juta 'duit haram' dibeku

Oleh AMREE AHMAD
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Sejumlah RM307.8 juta daripada akaun bank milik peniaga dibekukan pihak berkuasa kerana menyalahgunakan perniagaan untuk menjalankan aktiviti haram termasuk pengu-

bahan wang haram.

Kelicikan peniaga terabit menyorokkan perolehan aktiviti itu berjaya dibongkar walaupun mereka menggunakan pelbagai taktik termasuk nama yang berbeza bagi setiap akaun bank untuk menutup aliran tunai kegiatan tersebut.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Azman Adam berkata, sebanyak 47 kes direkodkan pihaknya sejak 2016 sehingga tahun lalu.

Katanya, kes-kes tersebut

disabitkan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Aktiviti Haram 2001 (AMLATF-PUAA).

Bersambung di muka 8

RM307.8 juta 'duit haram' dibeku

Dari muka 1

"Malahan untuk tahun ini, kita sudah pun membuka satu kertas siasatan yang membabitkan kes penyelewengan barang bersubsidi," katanya di sini, semalam.

Jelasnya, kejayaan itu adalah hasil usaha gigih Bahagian Penguat kuasa tersebut menerusi Seksyen Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AMLA) yang ditubuhkan kementerian itu pada 2008 dengan kekuatan 16 pegawai melalui dua unit utama masing-masing dikenali sebagai Unit Pengesanan Aset dan Unit Pemprofilan.

Azman berkata, sejak 2016 sehingga 2021 lalu, mereka menyita keseluruhan akaun berjumlah RM204,015,631 dan juga melucutahkan akaun bernilai RM58,101,980.

Kesalahan berat golongan peniaga itu ujar beliau, melibatkan empat akta dengan paling banyak ialah 27 kes di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan 15 kes Akta Perihal Dagangan 2011.

"Selebihnya iaitu masing-masing empat kes yang membabitkan Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid serta baki satu kes pula di bawah Akta Cakera Optik 2000," tambahnya.

Secara keseluruhan katanya, kerajaan memperoleh hasil RM70,101,980 melalui kaedah pendakwaan di bawah Seksyen 55 dan tanpa pendakwaan di bawah Seksyen 56 akta tersebut.

Setakat ini tegasnya, kes AMLA terbesar pernah direkodkan ialah pada 2018 lalu iaitu aktiviti skim piramid dengan perolehan RM122,883,092.

Syarikat itu didenda RM5 juta di bawah ALATPUAA dan RM5 juta wang 'kotor' daripada aktiviti haram dilucut hak bagi dijadikan hasil kerajaan.

Risikan bongkar drama peniaga mafia 'cuci duit'

Oleh AMREE AHMAD
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Taktik segelintir peniaga cuba menyembunyikan perolehan hasil aktiviti kotor masih boleh dijejak oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Ini termasuk meskipun ber selindung di sebalik pelbagai akaun bank atas nama berbeza bagi menutup kesan aliran tunai kegiatan pengubahan wang haram sukar dikesan pihak berkuasa.

Pengarah Penguat kuasa kementerian, Azman Adam berkata, walaupun kerja itu amat rumit dan mengambil masa lama, pihaknya ada strategi sendiri bagi membongkar kes sedemikian.

"Selain maklumat daripada sumber orang awam, kami juga ada kaedah risikan pasaran yang bergerak senyap buat intipan tanpa peniaga itu sedar sebelum mereka dicekup," jelasnya.

Beliau ditemui di pejabatnya di sini semalam bagi memak-



AZMAN ADAM

lumkan kejayaan bahagian tersebut dalam menangani jenayah komersial ekonomi hitam atau lazim disebut pasaran gelap mafia.

Secara keseluruhan dari 2016 sehingga tahun lalu, sebanyak 47 kes direkodkan dengan nilai akaun bank dibekukan berjumlah RM307.8 juta dan penyitaan yang mencecah RM204 juta.

Kesemua peniaga itu disabitkan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembayaan Keganasan dan Hasil Aktiviti Haram 2001 (AMLATFP UAA).

Lebih, membanggakan, kes tersebut dikendalikan sendiri Seksyen Pengubahan Wang Haram (AMLA) ditubuhkan kementerian itu pada 2008 lalu yang kini memiliki kekuatan 16 pegawai.

"Mungkin tidak ramai tahu, kami sering buat risikan pasaran di lapangan setiap masa dengan petugas berpakaian preman menyamar bagi mengesan kegiatan kotor peniaga," kata Azman.

Mengulas lanjut, beliau memberi contoh, ada pengilang mengeluarkan barang keperluan harian cukup tetapi pengguna peringkat akhir di pasaran pula mendakwa tidak dapat membeli stok.

Keadaan aneh itu bukan sahaja mencetuskan kemarahan ramai malah ada terkeliru dan

salah faham konon kementerian gagal berbuat apa-apa membuktikan orang awam terputus bekalan.

Sedangkan realiti, ujar beliau, ada pihak tertentu di peringkat pemborong dan peruncit yang sengaja bertindak mengambil peluang menyorok barang sebelum dijual dengan harga tinggi.

Justeru, beliau memberi amaran bahawa individu terbabit berada dalam 'radar' kementerian meskipun suspek bijak berlakon dengan tinggal di rumah murah atau memandu kereta kecil.

"Kaedah 'drama' itu sengaja kaburi penguat kuasa padahal, hasil duit haram disimpan dalam akaun lain atau dia beli harta tanah atau kendaraan mewah atas nama berbeza," telgas Azman.

Hukuman berat boleh dikenakan jika disabitkan kesalahan sama ada penjara maksimum 15 tahun atau denda RM5 juta atau lima kali ganda nilai rampasan atau yang mana lebih tinggi.

HARI : RABU
TARIKH : 9/2/2022
M/SURAT : 1

JENAYAH 'CUCI' DUIT BAKAL LUMPUH

AKTIVITI 'mencuci' wang haram oleh pihak sindiket dan penjenayah kewangan bakal lumpuh dengan tambahan 13 kesalahan baharu di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembelaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA 2001).

Antara kes-kes yang boleh dikaitkan dengan pengubahan

wang haram di peringkat bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) ialah seperti aktiviti perniagaan cetak rompak, perniagaan barang tiruan, penyelewengan barang kawalan bersubsidi serta urusniaga tidak sah jualan langsung dan skim piramid.

9

Pengerah
Penguat
Kuasa
KPDNHEP,
Azman
Adam.



Aktiviti 'cuci' duit haram bakal lumpuh

Sebanyak 13 kesalahan baru ditambah di bawah AMLATPUAA 2001

Oleh DIANA AZIS

SHAH ALAM

Aktiviti 'mencuci' wang haram oleh pihak sindiket dan penjenayah kewangan bakal lumpuh dengan tambahan 13 kesalahan baru di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATPUAA 2001).

Pengubahan wang haram ialah proses yang digunakan oleh pihak penjenayah untuk menukar hasil yang dianiaya daripada aktiviti haram kepada hasil yang sah di sisi undang-undang.

Aktiviti penjenayah pengubahan wang haram itu merupakan isu sejagat yang membawa banyak implikasi buruk kepada ekonomi sebuah negara.

Antara kes-kes yang boleh dikaitkan dengan pengubahan wang haram di peringkat bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal



AZMAN

Pengguna (KPDNHEP) ialah seperti aktiviti perniagaan cetak rompak, perniagaan barang-barang tiruan, penyelewengan barang kawalan bersubsidi serta urusniaga tidak sah jualan langsung dan skim piramid.

Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Azman Adam berkata, dengan perwartaan akta tersebut sebagai satu kesalahan berat baharu menjadikan usaha untuk membanteras aktiviti pengubahan wang haram lebih berkesan.

"Melalui tindakan penguatkuasaan pengubahan wang haram ini, secara tidak langsung ia akan membantu pihak kerajaan untuk membanteras dan melumpuhkan aktiviti-aktiviti jenayah perdagangan dalam negeri ke peringkat akar umbi terutama keses yang dikategorikan sebagai bersindiket dan terancang. Kes ini mungkin boleh membawa kemusuhan dan menggugat perkembangan ekonomi serta kehilangan hasil negara," katanya dalam satu temu bual khas di Putrajaya pada Isnin.

Jelas beliau, tindakan penguatkuasaan akan menghalang penjenayah bersindiket pengubahan wang haram terbabit menggunakan dana-dana haram itu untuk melakukan aktiviti-

LAPORAN
MUKA
DEPAN



Pegawai penguat kuasa Seksyen AMLA KPDNHEP merampas minyak masak dalam serbuan di sempadan Malaysia-Thailand.

aktiviti haram yang lain.

"Selain itu, ia juga akan memberi kesan yang *deterrent* kepada pihak-pihak yang lain dan menyumbang kepada kesejahteraan perdagangan domestik Malaysia," ujar beliau.

Dalam pada itu, Azman berkata, KPDNHEP melalui Bahagian Penguat Kuasa telah diberi amaran untuk menguatkuasakan akta tersebut.

"Tujuan penguatkuasaan akta ini di peringkat KPDNHEP adalah untuk membanteras isu-isu berhubung pengubahan wang haram yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti jenayah bersindiket perniagaan haram cetak rompak, barang tiruan, penyelewengan barang kawalan bersubsidi.


"Contohnya, Gas Petroleum Cecair (LPG), minyak masak, diesel, petrol dan sebagainya, serta urusniaga jualan langsung dan skim piramid yang menyalaohi undang-undang."

"Penguatkuasaan pencegahan pengubahan wang haram merupakan satu tindakan berkongsi pemulihan hasil negara (*revenue recovery*) iaitu pendekatan pelucutahan harta-harta haram penjenayah yang dihasilkan melalui aktiviti haram," ujarnya.

Hukuman

Sehubungan itu, beliau berkata, mereka yang disabitkan dengan kesalahan tersebut bakal menerima hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 15 tahun, denda tidak kurang dari lima kali ganda nilai hasil aktiviti haram atau denda sehingga RM5 juta.

"Hukuman bagi kesalahan-kesalahan itu disabitkan di bawah Seksyen 4(1) AMLATPUAA



Pegawai penguat kuasa Seksyen AMLA KPDNHEP merampas silinder gas petroleum cecair (LPG) dalam serbuan di Klang.

Kesalahan baharu AMLATPUAA 2001

Bermula 30 Disember 2021, beberapa kesalahan baharu boleh disiasat di bawah pengubahan wang haram.

- Di bawah Seksyen 16 Akta Perlindungan Pengguna 1999 laju melibatkan sindiket terancang aktiviti penipuan dan pemerdayaan terhadap pengguna dengan kaedah penawaran barang atau perkhidmatan, namun dengan sengaja tidak membekalkannya.
- Kesalahan Seksyen 16 Akta Perihal Dagangan 2011 iaitu pembekalan barang atau perkhidmatan berkelulusan palsu yang dilisytihar daripada kerajaan, jabatan atau agensi ketajaian; badan atau agensi antarabangsa sama ada di Malaysia atau luar negeri seperti Standard and Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM), Suruhanjaya Tenaga (ST) dan sebagainya.
- Kesalahan di bawah Seksyen 17 Akta Perihal Dagangan 2011 iaitu pernyataan palsu atau mengelirukan ke atas perkhidmatan, penginapan atau kemudahan oleh mana-mana pihak terutama melibatkan penawaran paket berbentuk pelancongan, umrah, haji dan sebagainya yang melibatkan pengambilan bayaran daripada orang ramai namun perkhidmatan yang dibekalkan tidak mepenuhi atau setimpal dengan paket dijanjikan.
- Kesalahan di bawah Seksyen 20 Akta Perihal Dagangan 2011 iaitu membuat pernyataan palsu atau mengelirukan berhubungan dengan peraduan, permaianan dan sebagainya yang melibatkan kepentingan awam. Kesalahan ini melibatkan implikasi kewangan kepada pengguna yang terkejut atau terpedaya dengan pernyataan palsu yang dibuat. Contoh, kesalahan melibatkan kegiatan gorès dan manen yang mana pelanggan boleh mendapatkan barang yang ditawarkan dengan bayaran tertentu sebelum boleh menuntut sebarang hadiah atau ganjaran ditawarkan.

2001 mengikut kriteria atau parameter yang ditetapkan," kata-

nya. Sementara itu, dalam perkembangan sama, Azman memaklumkan, kes yang disiasat di bawah AMLATPUAA 2001 telah membekukan hampir RM308 juta dan penyitaan bernilai RM204 juta ke atas harta alih dan harta tak alih milik individu dan syarikat sejak 2016.

"Daripada jumlah pembekuan dan penyitaan itu katanya, sebanyak RM58 juta wang dalam institusi kewangan telah dilucutkan dan dijadikan hasil kerajaan melalui kaedah pendakwaan di bawah Seksyen 55 dan tanpa pendakwaan Seksyen 56 AMLATPUAA 2001 sejak lima tahun lalu.

"Kes pengubahan wang haram yang menyumbang kepada pelucutahan terbesar melibatkan 'skim piramid' di bawah kesalahan prediket Seksyen 27B Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 pada 2018.

"Syarikat yang terlibat adalah Mface International Sdn Bhd kerana didakwa menerima RM122 juta hasil perolehan haram melibatkan aktiviti urusniaga skim piramid dan keputusan memihak kepada kerajaan iaitu syarikat tersebut diidenda di bawah Seksyen 4(1) Akta AMLATPUAA 2001 sebanyak RM5 juta dan wang syarikat yang dihasilkan daripada aktiviti haram sebanyak RM55 juta juga dilucutkan dan dijadikan hasil kerajaan," katanya.



PENIAGA Hana Izwanie Mamat menjual telur ayam kepada pelanggan ketika tinjauan di Pasar Kedai Payang, Kuala Terengganu, semalam. - Gambar NSTP/GHAZALI KORI

Oleh Roselan Ab Malek
am@hmetro.com.my

Jerantut

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan berbincang dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) untuk mencari penyelesaian isu kekurangan bekalan telur ayam di pasaran.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid berkata, perbincangan dijangka diadakan dalam tempoh terdekat dalam usaha mengurangkan beban rakyat.

Menurutnya, pihaknya menerima pelbagai runutan orang ramai susulan kekurangan bekalan telur ayam di pasaran khususnya menjelang Ramadan dan

KEKURANGAN BEKALAN TELUR AYAM

‘Akan bincang atasi situasi ini’

KPDNHEP anjur pertemuan dengan Mafi cari penyelesaian dalam tempoh terdekat

Syawal tidak lama lagi.

“Jika (isu) harga sudah ada tetapi bekalan tiada, akan timbul masalah. Kita akan pastikan kedua-dua isu ini diselesaikan.

“Jadi kita akan bincang untuk atasi situasi ini,” katanya ketika ditemui selepas perasmian stesen minyak Five Petroleum Malaysia di Batu

Balai di sini, semalam.

Hadir sama, Pengurus syarikat itu, Datuk Juhari Abdul Ghani dan Pengarah Urusannya, Datuk Seri Dr King Lim.

Menurutnya, kerajaan mengambil berat masalah dihadapi mereka yang berkaitan seperti pengusaha biskut raya kerana memer-

lukan bekalan telur ayam lebih banyak berbanding pengguna isi rumah.

“Ia berikutan pertambahan permintaan memandangkan ramai peniaga dan pengusaha menjalankan perniagaan makanan, malah rakyat Malaysia menggunakan 30 juta telur sehari,” katanya.

KPDNHEP bincang bersama MAFI

JERANTUT - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memandang serius isu kekurangan bekalan telur ayam di pasaran.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid berkata, satu perbincangan akan diadakan bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk mencari penyelesaian segera bagi mengatasi masalah tersebut.

Menurutnya, pelbagai rungutan serta keimbangan diluaskan oleh masyarakat susulan kekurangan bekalan telur di pasaran menjelang Ramadan dan Syawal nanti.

"Kita juga sedar dan ambil berat dengan mereka yang terlibat contohnya pengusaha biskut raya yang memerlukan bekalan telur lebih banyak," katanya pada Selasa.

Dalam pada itu, Rosol berkata, kerajaan masih belum mempunyai perancangan untuk memberikan subsidi dedak ayam kepada penternak dan pengeluar.

"Setakat saya tahu, tak ada lagi (untuk memberikan subsidi dedak kepada penternak dan pengeluar), tetapi kita tengah berbincang bagaimana untuk atasi masalah tersebut," katanya.

Terpaksa jual nasi lemak tanpa telur

Peniaga mengalami kerugian sebanyak 30 peratus sejak bekalan telur ayam terganggu dua minggu lalu

Oleh ENGU SHARIFUL AZNI

SHAH ALAM

Bekalan telur ayam yang terhad dan harganya terus meningkat di sesetengah tempat menjelaskan peniaga serta orang ramai yang bergantung kepada bahan mentah tersebut.

Tinjauan *Sinar Harian* di beberapa kedai runcit dan pasar raya di Seksyen 30 serta 31 di sini, pada Selasa, mendapati bekalan telur ayam tidak konsisten sejak dua minggu lalu.

Dari segi harga pula, didapati peniaga menjual telur ayam mengikut ketetapan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Seorang peniaga di Seksyen 30 di sini, Muhd Amareza Abu Bakar, 26, mengakui terpaksa menjual nasi lemak tanpa telur ayam kerana terputus bekalan sejak dua minggu lalu.

"Saya bermiaga nasi lemak waktu pagi dan petang. Jadi kalau pagi dah habis, saya terpaksa jual



Rak telur ayam kosong di sebuah pasar raya di Seksyen 31, Shah Alam.

nasi lemak tanpa telur pada waktu petang. Pelanggan selalu merungut kerana ketiadaan telur.

"Hairan juga ada pasar raya di Shah Alam yang meletakkan had pembelian telur untuk setiap satu keluarga, malah harga telur gred C meningkat daripada sekitar RM9 sepapan kepada RM11.90.

"Rasanya macam makin susah nak dapatkan bekalan telur terutamanya menjelang Ramadan dan Syawal," katanya yang telah bermiaga sejak dua tahun lalu.

Seorang lagi peniaga, Saharuddin Shaid, 52, berkata, ketiadaan bekalan telur ayam mengganggu perniagaannya apabila stok tersebut perlu dibahagikan kepada tiga gerai miliknya di sekitar Shah Alam.

Disebabkan itu tersebut, dia kini hanya mampu mendapatkan 180 hingga 200 biji telur ayam untuk perniagaannya berbanding 240 biji telur ayam sebelum ini.

Katanya, kenaikan harga barang mentah tersebut dan lain-lain turut menurunkan hasil keuntungannya sebanyak 30 peratus.

"Telur adalah salah satu makanan pilihan ramai di gerai kerana harganya murah berbanding lauk lain. Bila telur tiada, pelanggan kurang untuk mengambil lauk lain kerana harganya lebih mahal."

"Kadang-kadang saya terpaksa pergi ke beberapa kedai untuk mendapatkan bekalan, itu pun bukan jumlah seperti yang diharapkan," katanya yang bermiaga sejak 12 tahun lalu.

Daripada perspektif pengguna pula, Ahmad Fikri Mat Yusoff, 35, terpaksa membeli telur ayam jenis lain seperti telur organik yang lebih mahal berbanding telur biasa buat masa ini.

"Saya harap hal ini diselesaikan dan itu terputus bekalan makanan tidak berulang," katanya.

HARI : RABU
TARIKH : 9/2/2022
M/SURAT : 16



Senarai Harga Barang Keperluan

Ayam	RM8.90	Telur Gred A	RM12.45	Gula Pasir	RM2.85	Cili Merah	RM9.59
Daging Lembu Tempatan	RM42.99	Ikan Kembung	RM13.99	Bawang Besar Holland	RM2.50	Kubis Bulat Tempatan	RM2.79
Daging Lembu Import	RM28	Minyak Masak	RM6.35	Bawang Putih	RM5.50	Tepung Candum	RM2.20

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP